

01/11/2001

Ketua jabatan berkuasa lulus peruntukan tambahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Ketua jabatan atau pegawai pengawal kini diberi kuasa untuk meluluskan peruntukan tambahan bagi perbelanjaan pembangunan tahunan, berkuat kuasa serta-merta.

Kelulusan itu diberi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam, berkata kuasa tambahan yang diberikan kepada pegawai pengawal itu adalah untuk memindahkan peruntukan daripada suatu butiran projek ke butiran projek lain bagi maksud pembangunan yang sama untuk tahun berkenaan.

"Pegawai pengawal boleh meluluskan pindah peruntukan itu tidak melebihi 50 peratus daripada peruntukan tahunan yang asal," katanya dalam surat pekeliling terbaru bertarikh 15 Oktober.

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 12 Tahun 2001 itu bertujuan memaklumkan pindaan perenggan 2 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 10 1999 mengenai penambahan kuasa pegawai pengawal meluluskan pindah peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan tahunan.

Samsudin berkata, Lampiran B kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan 1999 itu adalah juga dipinda, tetapi syarat lain yang terkandung di dalamnya serta Pekeliling Perbendaharaan Bil 20 Tahun 1990 masih diguna pakai.

Beliau tidak memberi alasan kuasa tambahan itu diberikan, tetapi dipercayai bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan pelaksanaan projek yang sudah diluluskan.

Sementara itu, Samsudin juga berkata kerajaan sudah memutuskan supaya faedah yang sedia ada di bawah Skim Ex-Gratia melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil 13 Tahun 1994 bagi pegawai Kerajaan yang ditimpa kemalangan atau kecederaan ketika menjalankan tugas rasmi diperbaiki.

Katanya, pindaan itu antara lain membabitkan perkara bayaran ex-gratia bagi kemalangan dan hilang upaya langsung yang kekal atau kematian akan dibuat secara pukal dan/atau bulanan berdasarkan formula yang ditetapkan.

Beliau berkata, pindaan itu akan memberi faedah kepada kakitangan awam setanding dengan bayaran di bawah Skim Perkeso.

Di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja itu, kakitangan awam tidak perlu membuat caruman. Namun mereka terus mendapat faedah hilang upaya di bawah undang-undang pencen.

"Oleh yang demikian, faedah di bawah Skim baru ini adalah 20 peratus lebih rendah daripada faedah di bawah Skim Perkeso. Skim ini turut dipanjangkan kepada anggota kontrak dan sementara.

"Skim ini akan diuruskan oleh Panel Pegawai Skim Bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di Perbendaharaan. Bagaimanapun, urusan pembayaran akan dikendalikan oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam," katanya.

(END)